

Analisis Teori Tadbir Urus Islam Era Khalifah Abu Bakar As-Siddiq Berdasarkan Sumber Al-Quran

BITARA

Volume 6, Issue 4, 2023: 177-188
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 14 November 2023
Accepted: 24 November 2023
Published: 20 December 2023

[Analysis of Islamic Governance Theory in The Era of Abu Bakar as-Siddiq Based on al-Qur'an Sources]

Anwar Muttaqin¹ & Amalin Abd Aziz^{1*}

1 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor MALAYSIA.
E-mail: anwar86@ukm.edu.my; a181401@siswa.ukm.edu.my

*Corresponding Author: anwar86@ukm.edu.my

Abstrak

Pemerintahan yang hebat bermula daripada pemimpin yang bijaksana dan berjasa kepada negara dan masyarakat. Oleh itu, kelayakan Abu Bakar As-Siddiq sebagai khalifah menjadi tanda tanya disebabkan Rasulullah SAW tidak meninggalkan sebarang wasiat bagi pengganti baginda untuk memimpin negara. Disebabkan perkara ini, telah berlakunya kontroversi dan perdebatan antara golongan Muhajirin dan Ansar. Pada era globalisasi ini, generasi baharu telah didedahkan dengan hiburan yang melampau dan ini juga menyebabkan generasi era kini tidak lagi gemar mengenali tokoh dan pejuang agama dan negara, apatah lagi untuk mendalami sejarah Islam. Para pengkaji terdahulu juga tidak memfokuskan kepada tadbir urus secara menyeluruh atau mewujudkan tema-tema tadbir urus yang sebenar dalam pentadbiran khalifah Abu Bakar As-Siddiq. Justeru itu, kajian ini meneliti sejarah tadbir urus Islam era Khalifah Abu Bakar As-Siddiq dan menganalisis teori tadbir urus Islam era Khalifah Abu Bakar As-Siddiq berdasarkan sumber al-Quran. Oleh itu, metode yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif. Metode penelitian kualitatif ini menggunakan dua kaedah iaitu kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Sejarah tadbir urus Khalifah Abu Bakar As-Siddiq berkisar pada bidang politik seperti pelaksanaan eksekutif, legislatif dan judisiari. Seterusnya dalam bidang ekonomi seperti pembentukan Baitul Mal, bidang agama dan bidang sosial. Seterusnya, penyelesaian konflik dalaman seperti gerakan Riddah, golongan menolak zakat dan golongan Nabi palsu. Dasar dan Pembaharuan turut dilakukan penaklukan wilayah luar, pelaksanaan keinginan Rasulullah SAW dalam pemerintahan dan keamanan yang dicapai. Teori tadbir urus berdasarkan tiga ayat al-Quran iaitu ayat 103 surah Ali-Imraan, ayat 4 surah as-Saff dan ayat 17 surah an-Naml iaitu umat Islam memerlukan kehidupan yang mempunyai garis panduan yang berpandukan al-Quran dan Hadis serta perlu mempunyai seorang pemimpin yang mengajak mereka untuk melaksanakan sistem hidup yang berteraskan ajaran agama Islam. Kajian ini diharap dapat menghasilkan kajian terbaharu berdasarkan rujukan-rujukan terkini yang berkaitan dengan tadbir urus Islam dalam era pemerintahan Khalifah Abu Bakar As-Siddiq bahkan dapat memberikan gambaran sistem tadbir urus yang diperkenalkan pada era tersebut.

Kata kunci: Tadbir urus Islam, Pengurusan, Pentadbiran, Politik, Dasar

Abstract

Great governance starts from wise leaders who serve the country and society. Therefore, the qualification of Abu Bakar As-Siddiq as caliph was question mark because the Prophet SAW did not

leave any will for his successor to lead the country. Because of this, there has been controversy and debate between the Muhajirin and the Ansar. In this era of globalization, the new generation has been exposed to extreme entertainment and this has also caused the generation of the current era to no longer getting to know figures and religious among the history of Islam. The previous researchers also did not focus on governance as a whole or create real governance themes in the administration of Caliph Abu Bakar As-Siddiq. Therefore, this study examines the history of Islamic governance in the era of Caliph Abu Bakar As-Siddiq and analyzes the theory of Islamic governance in the era of Caliph Abu Bakar As-Siddiq based on al-Quran sources. Therefore, the method used in this study is a qualitative method. This qualitative research method uses two methods, namely the data collection method and the data analysis method. The history of Caliphate Abu Bakar As-Siddiq's governance revolves around political fields such as executive, legislative and judicial implementation. Next in the economic field such as the formation of Baitul Mal, the religious field and the social field. Next, the resolution of internal conflicts such as the Riddah movement, the group rejecting zakat and the group of false prophets. Policies and Reforms were also carried out in the conquest of foreign territories, the implementation of the wishes of the Prophet SAW in the government and peace achieved. The governance theory is based on three verses of the Qur'an, namely verse 103 of Surah Ali-Imraan, verse 4 of Surah as-Saff and verse 17 of Surah An-Naml, which means that Muslims need a life that has guidelines based on the Qur'an and Hadith and need to have a leaders who invite them to implement a life system based on Islamic teachings. This study is expected to produce the latest research based on the latest references related to Islamic governance in the era of the reign of Caliph Abu Bakar As-Siddiq and even provide an overview of the governance system introduced in that era.

Keywords: Islamic governance, Management, Administration, Politics, Policy

Cite This Article:

Anwar Muttaqin & Amalin Abd Aziz. (2023). Analisis Teori Tadbir Urus Islam Era Khalifah Abu Bakar As-Siddiq Berdasarkan Sumber al-Quran [Analysis of Islamic Governance Theory in The Era of Abu Bakar as-Siddiq Based on al-Qur'an Sources]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(4): 177-188.

Pengenalan

Perkembangan tamadun Islam merupakan titik permulaan bagi kemajuan dan kecemerlangan agama dan umat Islam. Tamadun Islam berkembang dari Semenanjung Tanah Arab dan diasaskan oleh Nabi Muhammad SAW berteraskan panduan wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT. Menurut As-Shalabi (2013) selepas kewafatan baginda Nabi Muhammad SAW pada 632 M, Abu Bakar As-Siddiq telah diangkat menjadi khalifah pertama selepas berlakunya perdebatan dalam pemilihan pengganti Rasulullah SAW bagi memerintah Tanah Arab. Pemerintahan Abu Bakar As-Siddiq berlangsung selama 2 tahun 3 bulan dan telah berakhir pada 634 M. tetapi mempunyai banyak sumbangan dan kesan terhadap perkembangan Islam. Semasa pemerintahan Abu Bakar As-Siddiq permasalahan dan cabaran yang dihadapi bukanlah mudah untuk ditangani disebabkan terdapat di kalangan masyarakat yang terpengaruh dan tidak lagi mengikuti ajaran Islam dengan baik. Antara faktornya adalah Rasulullah SAW telah pun wafat dan sunnah telah dianggap tidak penting di dalam kehidupan mereka.

Pengkaji mengambil inisiatif untuk memperincikan tentang tadbir urus Islam era Khalifah Abu Bakar As-Siddiq yang mana kajian ini lebih memfokuskan kepada sistem pentadbiran, masalah atau peristiwa yang dihadapi di era sebelum dan ketika pemerintahannya. Menurut Tiara Novita dan Yudi Pratama (2022) khalifah merupakan aspek yang penting dalam

menjalankan fungsi kepemimpinan pemerintahan dan pemilihan Abu Bakar As-Siddiq merupakan proses terbaik yang dilakukan oleh para sahabat. Seterusnya, Haidar et al. (2020) membahaskan tentang kejayaan yang telah dicapai oleh Khalifah Abu Bakar As-Siddiq ketika pemerintahannya. Beliau telah melaksanakan hajat Rasulullah SAW yang tidak dicapai oleh baginda ketika hayatnya iaitu mengirinkan satu ekspedisi dibawah pimpinan Usamah bin Zaid ke sempadan Syria namun ramai daripada kalangan sahabat tidak bersetuju dengan keputusan tersebut, akan tetapi Khalifah Abu Bakar meneruskannya dan telah menghasilkan kemenangan. Antara cabarannya muncul pemberontakan golongan murtad dan golongan muslim yang menolak untuk membayar zakat serta muncul golongan kafir yang mengaku dirinya sebagai Nabi. Akhir sekali, Fathul Nur Huda (2018) menjelaskan bentuk pemerintahan Khalifah Abu Bakar iaitu menggunakan tiga cabang kekuasaan iaitu eksekutif, legislatif dan juridiktif serta sistem pemerintahan beliau adalah sistem monarki. Berdasarkan kajian daripada Tiara Novita dan Yudi Pratama (2022), Haidar Putra Daulay, Zaini Dahlan dan Sri Suharti (2020), dan Fathul Nur (2020) tidak memfokuskan kepada tadbir urus secara menyeluruh atau mewujudkan tema-tema tadbir urus yang sebenar. Oleh yang demikian, satu kajian akan dilakukan untuk mengenalpasti tadbir urus Islam di zaman Khalifah Abu Bakar. Dalam kajian ini pengkaji ingin menghuraikan tentang tadbir urus Islam era Khalifah Abu Bakar As-Siddiq secara mendalam serta ingin menghadirkan beberapa perkara yang belum dihuraikan oleh semua pengkaji-pengkaji lepas. Kebanyakan kajian lepas lebih memfokuskan penceritaan tentang proses pelantikan khalifah Abu Bakar As-Siddiq menjadi khalifah tanpa menyentuh penceritaan tentang masalah atau peristiwa yang berlaku ketika pemerintahannya dan cara beliau menghadapi permasalahan tersebut. Oleh yang demikian pengkaji turut meneliti sejarah tadbir urus Islam era Khalifah Abu Bakar As-Siddiq dan menganalisis teori tadbir urus Islam era Khalifah Abu Bakar As-Siddiq berdasarkan sumber al-Quran.

Metodologi

Metode kajian merupakan peranan penting dalam melakukan penyelidikan untuk mendapatkan data dan fakta bagi menghasilkan sebuah kajian yang berkualiti. Oleh itu, metode yang digunakan dalam penelitian ini adalah kualitatif. Metode penelitian kualitatif ini menggunakan dua kaedah iaitu kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Kaedah pengumpulan data dalam menghasilkan kajian ini dilakukan dengan pengkaji telah mengumpulkan data-data dan sumber lepas yang berkait rapat dengan kajian tadbir urus Islam era Khalifah Abu Bakar As-Siddiq. Pengkaji telah menggabungkan tiga bentuk kaedah untuk mengumpul data-data dan sumber yang lepas iaitu kaedah kajian kepustakaan, kajian pensejarahan dan kajian analisis dokumen.

Kajian Kepustakaan

Kajian kepustakaan bermaksud pengkaji berusaha untuk menghimpun data-data dan maklumat relevan yang berkaitan dengan Tadbir Urus Islam Era Khalifah Abu Bakar As-Siddiq. Oleh itu, data-data tersebut diperoleh daripada pembacaan buku-buku ilmiah, artikel daripada jurnal, tesis dan skripsi. Di samping itu, untuk melakukan kajian kepustakaan, pengkaji memperoleh

bahan bacaan daripada perpustakaan dan laman sesawang yang tepat dan berguna dalam memperoleh maklumat dan data-data yang relevan untuk dikumpulkan, dibaca dan dikaji, dicatat dan dimanfaatkan. Dengan kaedah ini, peneliti dapat mencari dan memperoleh bahan-bahan dan sumber yang tepat dengan waktu yang singkat untuk diteliti. Ini kerana kajian ini masih belum ada penelitian yang mendalam oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya dan tiada dalam mana-mana sumber yang berkaitan. Pengkaji juga menggunakan kaedah menganalisis, membuat kesimpulan dan mensintesis maklumat yang berkaitan untuk menghasilkan dapatan kajian yang baru.

Kajian Pensejarahan

Pengkaji menggunakan kaedah ini dengan membuat beberapa penelitian terhadap riwayat hidup dan zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar As-Siddiq melalui proses pengumpulan data, penelitian dan pengkajian sumber-sumber sejarah yang lepas di dalam tesis, skripsi, artikel daripada jurnal, dan buku-buku ilmiah. Selain itu, penelitian ini juga menggunakan pentaksiran peristiwa yang telah timbul dimasa lalu yang menggambarkan secara kritis seluruh kebenaran kejadian atau fakta terhadap sejarah permasalahan yang berlaku ketika pemerintahan Khalifah Abu Bakar dan perkembangan politik Islam serta perluasan wilayah Islam.

Manakala dalam kaedah analisis data setelah proses pengumpulan data-data dilakukan oleh pengkaji, metode yang digunakan untuk menganalisis data-data tersebut adalah dengan menggunakan metode komparatif iaitu pengkaji menggunakan kaedah ini untuk membandingkan data daripada rujukan 10 tahun terawal dan 10 tahun terakhir. Metode ini digunakan untuk menetapkan bahawa setiap fenomena atau peristiwa mengikut aturan yang sama. Perbandingan ini akan membangunkan asas teori dengan tujuan menyediakan teori yang dapat membantu menjelaskan kajian yang sedang dijalankan dalam penyelidikan ini.

Kajian Literatur

Menurut Maruli Tumangger (2021) dalam artikel *Pemerintahan Abu Bakar: Tinjauan Sejarah Terhadap Dinamika dan Sistem Pemerintahan* membahaskan tentang permasalahan yang dihadapi Khalifah Abu Bakar As-Siddiq ketika pemerintahannya dari sudut agama, intelektual dan politik. Permasalahan yang dihadapi oleh Khalifah Abu Bakar As-Siddiq dari segi agama seperti menghadapi golongan murtad atau keluar dari ajaran Islam, kemunculan nabi-nabi palsu dan penolakan terhadap pembayaran zakat. Oleh yang demikian, Khalifah Abu Bakar As-Siddiq telah menghadapi tiga kelompok yang tidak bersetuju dengan pelantikannya selepas kewafatan Rasulullah SAW dan menentang pemerintahan serta tidak mengakui kepimpinannya.

Ratna Sari (2021) di dalam artikel "*Konsep Dakwah Prespektif Abu Bakar Ash-Shiddiq*" mencatatkan idea-idea Khalifah Abu Bakar untuk menyebarkan Islam ketika pemerintahannya melalui pelbagai bidang seperti politik, agama, sosial dan ekonomi. Pertama, idea-idea pemerintahan Khalifah Abu Bakar dalam bidang politik adalah satu kerajaan berdasarkan musyawarah yang mana memerlukan beberapa tokoh-tokoh terbaik untuk berunding selepas tidak menemui jawapan daripada kitab Allah atau cara Rasulullah SAW menangani sesuatu

perkara. Selain itu, di dalam undang-undang beliau bersikap adil dan saksama dalam melaksanakan undang-undang kepada masyarakat dan kaum kerabatnya, meskipun beragama Islam mahupun bukan Islam.

Wahyuniar WN dan Nur Afifa (2020) dalam artikel *The Political Thought Of Rashidun Caliphate* membincangkan tentang pemikiran politik era Khulafa' ar-Rasyidin yang bertujuan untuk menjelaskan perbezaan sistem politik dalam setiap pemerintahan khalifah selepas kewafatan Rasulullah SAW. Selepas kewafatan Rasulullah SAW pemerintahan dilakukan oleh para sahabat. Setiap khalifah yang memerintah, melaksanakan sistem politik yang berbeza mengikut situasi yang berlaku ketika zaman itu.

Ogi Habibi, SQ. dan MH. (2019) dalam artikel *Sistem Demokrasi Dan Kekhilafaan Dalam Syariat Islam* memperincikan tentang sistem khilafah dan sejarah kemunculannya iaitu selepas kematian Nabi Muhammad SAW. Ini bersesuaian dengan maksud khilafah itu sendiri yang bermaksud orang yang mengambil alih tempat orang lain sesudahnya dalam berbagai persoalan. Sistem khilafah ini bermula sejak terpilihnya Khalifah Abu Bakar As-Siddiq setelah berlaku perdebatan di Saqifah Bani Sa'adah. Pemerintahan Khalifah Abu Bakar diselubungi dengan pelbagai permasalahan sejak dari pelantikannya sebagai khalifah, namun perkara ini tidak meruntuhkan semangatnya untuk mengatasi setiap permasalahan tersebut dengan cara yang bijak bagi menyelesaikannya.

Asril Hafiz (2018) dalam artikel *Sejarah Perkembangan Kepimpinan Islam* membahaskan tentang kepimpinan Islam pada zaman Rasulullah SAW dan Khulafa' Ar-Rasyidin yang mana kepimpinan mereka adalah bersifat Rabbani atau membawa mesej ketuhanan kepada masyarakat. Kepimpinan Islam pada zaman Khalifah Abu Bakar As-Siddiq bermula selepas kewafatan baginda Rasulullah SAW melalui sistem syura iaitu bermesyuarat di kalangan sahabat. Terdapat pelbagai perubahan dan beberapa strategi yang dilakukan untuk mengekalkan kepimpinan Islam di dalam pentadbirannya seperti beliau mengambil tindakan tegas terhadap golongan murtad dan nabi palsu seperti Musailamah, Thulhah dan Aswad An-Nisa.

Hasronghisam Sa (2018) dalam artikel *Metode Dakwah Khalifah Abu Bakar As-Shiddiq* mencatatkan pencapaian Khalifah Abu Bakar ketika pemerintahannya seperti pengumpulan al-Quran yang mana timbul konflik antara Umar bin Khattab dengan Khalifah Abu Bakar. Umar telah mengemukakan satu idea untuk mengumpulkan ayat-ayat al-Quran kerana bimbang akan risiko kehilangan dari daun, pelepah kurma, tulang dan juga dari hafalan-hafalan para sahabat. Dengan demikian Khalifah Abu Bakar telah mengarahkan Zaid bin Tsabit untuk menulis seluruh al-Qur'an dengan tersusun menurut urutan ayat-ayat sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Rasulullah SAW.

Zul Ikromi (2017) dalam artikel *Pendekatan Istishlāhi Dalam Ijtihad Abu Bakar Al-Shiddiq* mencatatkan tentang beberapa metode ijtihad yang diaplikasikan oleh Khalifah Abu Bakar As-Siddiq ketika menghadapi permasalahan dalam pemerintahannya iaitu *ijma`* yang mana merupakan kesepakatan seluruh ulama Islam pada satu masa atas suatu permasalahan dapat dijadikan sebagai dalil dalam penetapan hukum seperti keputusan Abu Bakar As-Siddiq untuk memerangi orang-orang murtad.

Ermy Azziaty dan Zamri Ab Rahman (2017) dalam artikel *Kecemerlangan Futuhat Islamiyyah Era Khulafa' Al-Rashidin* membincangkan tentang *futuhat* Khalifah Abu Bakar dalam usaha memperluaskan wilayah-wilayah Islam khususnya di Rom dan Parsi yang mana

merupakan empayar dan kuasa terbesar di Semenanjung Tanah Arab. Kedudukan Parsi yang menjadi laluan perhubungan antara Asia, Eropah, dan Afrika serta dapat menguasai wilayah Iraq telah membuktikan bahawa penguasaannya dapat menundukkan kabilah-kabilah Arab dan akur akan pemerintahannya. Kebijaksanaan Khalifah Abu Bakar terbukti apabila beliau berusaha untuk mengalahkan kerajaan Parsi dengan menghantar dua pasukan tentera yang berasingan ke Iraq bagi memperlihatkan kekuatan gerak gempur yang lebih menyeluruh.

Razaleigh Muhamat @ Kawangit (2014) dalam artikel *Perlaksanaan Dakwah Dan Politik Islam Zaman Khulafa' Al-Rashidin* membincangkan tentang sumbangan dan pengorbanan serta jasa khalifah abu bakar ketika pemerintahannya iaitu memerangi golongan murtad dan orang yang mengaku menjadi nabi dan golongan yang enggan membayar zakat. Oleh yang demikian, langkah politik yang telah diambil oleh Khalifah Abu Bakar sangat strategik iaitu dengan menghantar tentera ketika negara berada dalam keadaan huru-hara serta menimbulkan tafsiran pihak lawan bahawa pasukan Islam cukup kuat sehingga membuatkan mereka gementar. Ini kerana ingin mengalihkan perhatian umat Islam daripada perselisihan dalaman sehingga pasukan Usamah berjaya membawa pulang harta rampasan perang yang berlimpah.

Muhammad Rahmatullah (2014) dalam artikel *Kepemimpinan Khalifah Abu Bakar Al-Shiddiq* membahaskan tentang permasalahan yang berlaku ketika pemerintahan Khalifah Abu Bakar kemunculan golongan murtad, golongan yang mengaku sebagai nabi, pemberontakan beberapa kabilah Arab dan golongan yang enggan membayar zakat. Khalifah Abu Bakar menangani permasalahan ini dengan mengirim surat ajakan kembali kepada agama Islam atau menghantar pasukan untuk peperangan akan tetapi tidak dilayan. Oleh itu, Khalifah Abu Bakar telah menghantar pasukan untuk memulakan peperangan yang dinamakan perang Riddah untuk menghapuskan golongan murtad dan golongan yang enggan membayar zakat. Malah untuk nabi-nabi palsu beliau telah mengarahkan bala tentera dan Wahshi berhasil membunuh Musailamah di tangannya namun sebelum itu telah terbunuh Al-Aswad yang mana pernah menamakan dirinya Rahman al-Yaman.

Kesimpulan daripada kajian literatur daripada Maruli Tumangger (2021), Ratna Sari (2021), Wahyuniar WN dan Nur Afifa (2020), Ogi Habibi, SQ. dan MH. (2019), Asril Hafiz (2018), Hasronghisam Sa (2018), Zul Ikromi (2017), Ermy Azziaty dan Zamri Ab Rahman (2017), Razaleigh Muhamat @ Kawangit (2014) dan Muhammad Rahmatullah (2014) telah merangkumi beberapa tema kajian seperti isu dalam pemerintahan, cara mentadbir, perbezaan sistem pemerintahan, pelantikan khalifah, strategi menghadapi isu negara, konflik dasar, ijihad pemimpin, ekspedisi ketenteraan dan sistem politik era Abu Bakar As-Siddiq.

Hasil dan Perbincangan

Khalifah Abu Bakar merupakan khalifah pertama di dalam Khulafa' Ar-Rasyidin dan beliau diberikan keistimewaan oleh Allah SWT untuk menggantikan pemerintahan Rasulullah SAW. Bahkan beliau sentiasa mendampingi Rasulullah SAW dalam menyebarkan dakwah dan membela baginda SAW dalam setiap perkara. Terdapat beberapa pendekatan tadbir urus yang dilakukan di era pemerintahannya iaitu:

Bidang Politik: Pelaksanaan Eksekutif, Legislatif dan Judisiari

Khalifah Abu Bakar As-Siddiq memulakan pemerintahannya dengan sistem berpusat iaitu menggunakan sistem Eksekutif, Legislatif dan Judisiari yang berpusat pada pemimpin yang tertinggi. Beliau telah menggunakan sistem syura yang mana membentuk institusi khas seperti majlis Syura sebagai tempat musyawarah dalam menentukan dasar. Majlis Syura ini melibatkan pemimpin yang tertinggi dalam kalangan sahabat yang bertaraf ulama' dan kaum Muslimin dari kalangan Ansar dan Muhajirin. Malah fungsinya adalah untuk menyelesaikan permasalahan yang berlaku dengan menggunakan hasil perbincangan mereka yang bijak dan bernas (Fathul Nur Huda 2018). Institusi "eksekutif" bermaksud kuasa untuk melaksanakan peraturan perundangan di dalam pemerintahan. Institusi ini telah dipegang oleh Khalifah Abu Bakar sendiri sebagai khalifah atau pemimpin umat Islam yang telah melaksanakan peraturan perundangan di dalam pentadbirannya. Seterusnya, institusi "legislatif" pula bermaksud kuasa untuk membuat peraturan perundangan yang mana Khalifah Abu Bakar menggunakan hasil perbincangan daripada musyawarah di Majlis syura oleh para sahabat atau pimpinan tertinggi. Akhir sekali, institusi "judisiari" yang bermaksud kuasa untuk melaksanakan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan dalam pentadbiran. Dalam institusi ini, Khalifah Abu Bakar telah membentuk Jawatankuasa Undang-Undang dan melantik para sahabat untuk menjaga hal ehwal undang-undang serta tugas-tugas pemerintahan di Madinah mahupun di wilayah masing-masing.

Bidang Ekonomi: Pembentukan Baitul Mal

Antara islah yang dilakukan oleh beliau dari segi ekonomi pula adalah pembentukan Baitul Mal di Madinah yang mana beliau mengurus janda-janda perang di Madinah dan menjadikan *Hirah* sebagai pusat tentera untuk penyerangan ke Syam. Beliau juga menjadikan zakat, sedekah, harta rampasan perang (ghanimah) dan cukai jizyah sebagai pendapatan negara dan ketika itu Abu Ubaidah telah dilantik sebagai Menteri Kewangan bagi menguruskan hal-hal berkaitan dengan kewangan negara. Beliau juga mengadakan hubungan politik dengan negeri luar dan mengampuni beberapa kelompok dan pemimpin pemberontakan yang mengakui kesalahan mereka dan ingin kembali memeluk ajaran Islam dan melakukan ajaran-ajarannya termasuk pembayaran zakat (Maruli Tumangger 2021).

Bidang Agama: Pengumpulan Al-Quran dan Pendidikan Islam

Pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar, sumbangan terbesar yang ditinggalkan kepada umat Islam sehingga kini adalah dengan pengumpulan al-Quran. Ia merupakan kebijaksanaan beliau dalam menguruskan intelektual dengan baik sehingga memberi kesan yang besar dan berpanjangan kepada umat manusia. Tujuan utama pengumpulan al-Quran adalah disebabkan terjadinya perang Yamamah dan menyebabkan pihak muslim gugur sebagai syuhada 1200 orang, 39 orang di antaranya para sahabat besar dan penghafaz al-Quran. Oleh itu, peristiwa ini menimbulkan kerisauan Umar bin Khatthab dan menyebabkannya berfikir untuk menghimpun al-Quran sebelum kehilangan semuanya (Patmawati & Fitri Sukmawati 2015).

Bidang Sosial: Penguasaan Wilayah Islam

Pada zaman Khalifah Abu Bakar kedudukan Islam semakin kukuh dan pengaruh Islam telah berkembang luas. Bagi memudahkan pemantauan dan juga memperkukuh kedudukan wilayah Islam, beliau telah melantik gabenor-gabenor wilayah dalam kalangan para sahabat (Asril Hafiz 2018). Perluasan wilayah yang dilakukan pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar merupakan pencapaian yang hebat setelah apa yang dilakukan Rasulullah SAW. Perluasan wilayah ini bertujuan untuk melindungi dakwah Islam, menjamin keamanan serta pembebasan manusia kepada keadilan dan kebenaran.

Kawasan yang menjadi sasaran ialah Iraq dan Syria yang bersempadan langsung dengan wilayah Islam. Menurut Khalifah Abu Bakar, kedua-dua kawasan ini mesti ditakluki dengan tujuan mengukuhkan keselamatan wilayah Islam daripada pencerobohan dua kuasa besar iaitu Parsi dan Rom.

Dasar dan Pembaharuan

Menurut Razaleigh (2014) dasar pemerintahan yang digunakan oleh Khalifah Abu Bakar As-Siddiq adalah seperti berikut:

- i. Undang-undang dan perlembagaan negara berdasarkan al- Quran dan al-Hadis
- ii. Khalifah mempunyai kuasa membuat keputusan berdasarkan pandangan ahli Syura dan ijtihad
- iii. Khalifah merupakan ketua negara
- iv. Khalifah tidak mendapat hak istimewa mengatasi undang-undang
- v. Pemimpin dan rakyat sama-sama bertanggungjawab membangun dan memajukan negara
- vi. Rakyat boleh memberi pandangan dan teguran kepada pemimpin mengikut saluran tertentu.
- vii. Rakyat wajib mentaati pemerintah yang taat kepada syariat Allah SWT dan Rasulullah SAW
- viii. Gabenor dan pegawai dilantik berdasarkan kecekapan dan kewibawaan

Pelaksanaan Keinginan Rasulullah SAW dalam Pemerintahan

Perhatian Khalifah Abu Bakar ketika pemerintahannya terarah untuk melaksanakan keinginan Nabi Muhammad SAW yang hampir tidak terlaksana iaitu dengan menghantar pasukan di bawah pimpinan Usamah ke sempadan Syria. Walaupun perkara ini tidak disenangi oleh sahabat-sahabat yang lain, kerana keadaan dalam negeri ketika itu masih tidak stabil. Namun usul ini di tolak oleh Khalifah Abu Bakar kerana pengiriman pasukan ini merupakan amanah dari Rasulullah SAW. Khalifah Abu Bakar menunjukkan sikap yang tegas dan telah membuahkan hikmah tersendiri bagi usaha penyelesaian konflik sosial dalam negeri. Selama 40 hari berperang melawan orang-orang Rom di Syria, akhirnya pasukan itu kembali ke Syam dengan kemenangan yang gemilang (Haidar et al. 2020).

Keamanan yang Dicapai

Menurut Razaleigh (2014) antara sumbangan Khalifah Abu Bakar semasa pemerintahannya adalah dengan mengekalkan keamanan yang telah diasaskan oleh Rasulullah SAW dan meneruskan hajat baginda SAW yang tidak tercapai ketika pemerintahannya seperti pengiriman pasukan tentera ke Syria. Selain itu, Khalifah Abu Bakar juga telah memerangi dan menghapuskan golongan murtad dan golongan yang enggan membayar zakat serta orang yang mengaku menjadi Nabi atau dikenali sebagai nabi palsu. Beliau berjaya mengajak sebahagian daripada mereka untuk kembali kepada ajaran Islam bahkan juga berjaya memerangi golongan mereka yang tetap mengingkari pemerintahannya.

Hasil daripada peperangan tersebut membuka mata dunia bahawa kemenangan sentiasa berpihak kepada orang yang benar. Seterusnya, Khalifah Abu Bakar juga telah mengembangkan dakwah Islam ke Parsi dan Rom melalui peperangan yang dilakukan dengan menghantar tentera sehingga berjaya menewaskan dua kuasa besar. Hal ini juga dapat membuka mata dunia tentang kehebatan kerajaan Islam dan kebijakan Khalifah Abu Bakar dalam mengatur strategi untuk menyebarkan syiar Islam ke seluruh wilayah. Akhir sekali, sumbangan yang besar yang dilakukan Khalifah Abu Bakar ketika pemerintahannya adalah adalah pengumpulan semua ayat al-Quran. Sumbangan ini bukan sahaja dapat dirasai oleh masyarakat Islam pada ketika itu bahkan juga dapat dirasai kepada umat Islam sehingga kini dan akan datang.

Teori tadbir urus berpandukan al-Quran

Teori tadbir urus yang utama dalam pemerintahan Khalifah Abu Bakar As-Siddiq adalah membina pertahanan agama dan negara dengan baik. Sebelum ini, pengkaji telah mengaitkan ayat-ayat al-Quran dengan teori tadbir urus atau sistem pentadbiran negara. Seperti mana di dalam Surah An-Naml ayat 17, menceritakan tentang tadbir urus yang baik dan memfokuskan kepada kisah kejayaan Nabi Sulaiman AS dalam membina tamadun. Nabi Sulaiman AS membentuk bala tentera dan diarahkan untuk memerangi orang-orang yang tidak mengindahkan seruannya. Mereka telah berbaris rapi, bersatu, dan berkumpul di bawah kepimpinannya. Ini berkait rapat dengan tadbir urus yang dilakukan oleh Khalifah Abu Bakar ketika pemerintahannya.

Selain itu, di dalam Surah As-Saff ayat 4 menerangkan kepada kita bahawa kaum Muslimin perlu bersatu menjadi satu kumpulan yang kuat dan teguh. Ia bermaksud barisan tentera yang berbaris ketika berperang bagi membentuk saf peperangan. Ia juga berkait dengan arahan Khalifah Abu Bakar kepada angkatan tentera untuk bersatu dalam satu angkatan tentera di satu tempat yang bernama Hirah selepas mereka melakukan pembukaan wilayah dan penyebaran Islam di wilayah Iraq. Sebelum itu, mereka telah dibahagikan kepada dua kumpulan dengan tersusun rapi dan bergabung di Hirah. Pasukan pertama diketuai oleh Khalid bin Walid dan dibantu oleh beberapa orang panglima perang yang lain seperti Muthanna bin Harithah al-Shaybani, Asim bin Amr Tamimi dan Adi bin Hatim yang diarahkan untuk melalui Yamamah iaitu ke selatan Iraq. Malah pasukan kedua telah dipimpin oleh Iyad bin Ghanam yang digerakkan ke utara Iraq melalui Hijaz.

Seterusnya, berdasarkan ayat 103 surah Ali-Imraan, umat Islam memerlukan kehidupan yang mempunyai garis panduan yang berpandukan al-Quran dan Hadis serta perlu mempunyai seorang pemimpin yang mengajak mereka untuk melaksanakan sistem hidup yang berteraskan ajaran agama Islam, demikian juga memperhatikan keadilan dalam sistem muamalat masyarakat. Sepertimana kepimpinan Khalifah Abu Bakar As-Siddiq dalam menyelesaikan segala permasalahan dengan berteraskan al-Quran dan Hadis sebelum berbincang dengan ahli Syura. Selain itu, beliau sangat menitikberatkan ajaran agama Islam yang ditinggalkan Rasulullah SAW seperti melaksanakan zakat sehingga beliau membanteras golongan yang enggan membayar zakat dan terkeluar daripada ajaran Islam. Justifikasinya, tadbir urus Islam era Khalifah Abu Bakar As-Siddiq sangat tersusun rapi dan sistematik. Ini kerana setiap permasalahan yang berlaku dalam membina pertahanan agama dan negara yang baik, Khalifah Abu Bakar dapat menyelesaikan perkara tersebut dengan teratur. Selain memberi arahan yang jelas kepada anggotanya, beliau juga bijak dalam menyusun strategi peperangan dan cekap dalam menyampaikan arahan.

Kesimpulan

Dalam meneliti kajian yang panjang ini, tentang tadbir urus Islam era pemerintahan Khalifah Abu Bakar As-Siddiq, maka pengkaji dapat mengambil kesimpulan sesuai dengan pembahasan pada kajian ini iaitu tentang proses pemerintahan dan pentadbiran Khalifah Abu Bakar. Di dalam kajian ini pengkaji memfokuskan sejarah tadbir urus Khalifah Abu Bakar dan pengkaji menekankan berkaitan teori tadbir urus Islam era Khalifah Abu Bakar As-Siddiq berdasarkan sumber al-Quran.

Pengkaji juga mengemukakan tentang strategi pentadbiran yang digunakan Khalifah Abu Bakar ketika pemerintahannya dan bentuk pemerintahannya dalam bidang politik, ekonomi, agama dan sosial. Dalam bidang politik, pengkaji menetengahkan tentang penggunaan sistem Eksekutif, Legislatif dan Judisiari yang mana sistem ini berpusat pada pimpinan yang tertinggi atau para sahabat. Oleh itu, daripada sistem ini terwujudnya Majlis Syura yang terdiri daripada para sahabat dan ulama' bertujuan untuk bermusyawarah tentang permasalahan yang timbul ketika pemerintahan. Selain itu, pembentukan baitul mal juga dikaitkan dalam bidang ekonomi yang mana merupakan kebijakan Khalifah Abu Bakar dalam pemerintahannya. Beliau menggunakan institusi kewangan itu dengan cara yang bijak dan menguruskan kewangan negara dengan teratur.

Selain itu, Dasar utama yang dilakukan oleh Khalifah Abu Bakar adalah undang-undang dan perlembagaan negara mesti berpandukan al-Quran dan al-Hadis manakala pembaharuan yang dilakukan adalah menakluki Iraq dan Syam bertujuan untuk meluaskan penyebaran Islam. Ini merupakan pelaksanaan hajat atau keinginan Rasulullah SAW yang tidak kesampaian ketika hayat baginda SAW. Kebijaksanaan dan kehebatan Khalifah Abu Bakar dalam mentadbir negara dapat memberikan banyak sumbangan dan kesan yang baik terutamanya pengumpulan al-Quran dalam satu mushaf, penyebaran Islam yang meluas, sistem pentadbiran yang teratur dan sistematik.

Akhir sekali, pengkaji mengaitkan tiga ayat al-Quran yang berkait dengan teori tadbir urus pemerintahan Khalifah Abu Bakar. Beliau telah membina pertahanan agama dan negara

dengan baik serta telah menghasilkan pemerintahan yang teratur untuk keselamatan dan kesejahteraan rakyatnya. Tadbir urus yang diamalkan oleh beliau sangat tersusun rapi dan sistematik yang mana beliau dapat menepis segala permasalahan yang berlaku tanpa menimbulkan kerosakan yang besar kepada pemerintahan beliau. Jelaslah bahawa tadbir urus Islam zaman Khalifah Abu Bakar sangat hebat sehingga diguna pakai oleh kerajaan kita hari ini, yang mana hanya memfokuskan ancaman dalam negeri dan terbinanya kementerian dalam negeri. Kehebatan dan kebijaksanaan Khalifah Abu Bakar dalam menguruskan hal ehwal negara terserlah apabila pengkaji membuat kajian berkenaan tadbir urus Islam yang digunakan dalam pemerintahan beliau.

Penghargaan

Kajian ni ditaja oleh Geran Galakan Penyelidik Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia (GGPM-2023-069).

Rujukan

- Abdullah Basmeih. 2010. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Asril Hafiz. 2018. *Sejarah Perkembangan Kepimpinan Islam*. t.pt.
- Ermy Azziaty & Zamri Ab Rahman. 2017. Kecemerlangan Futuhat Islamiyyah Era Khulafa' Al-Rashidin. *Jurnal al-Tamaddun* 12 (2): 25-40.
- Fathul Nur Huda. 2018. *Manajemen Pemerintahan Khalifah Abu Bakar As Shiddiq Dalam Pengembangan Dakwah Islam*. Institut Agama Islam Negeri (Iain) Purwokerto: Indonesia.
- Haidar Putra, Zaini Dahlan & Sri Suharti. 2020. Pendalaman Materi Sejarah Abu Bakar Ash-Shiddiq dan Umar Bin Khattab Pada Topik Khulafa' Al-Rasyidin. *Jurnal PGMI Bunayya* 1(4).
- Hasronghisam Sa. 2018. *Metode Dakwah Khalifah Abu Bakar As-Shiddiq*. Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang.
- Maruli Tumangger. 2021. Pemerintahan Abu Bakar: Tinjauan Sejarah Terhadap Dinamika Dan Sistem Pemerintahan *Jurnal Syariah dan Hukum* 03 (2).
- Muhammad Ash-Shalabi. 2013. *Biografi Abu Bakar As-Siddiq*. UIN Alauddin Makassar: Indonesia.
- Muhammad Rahmatullah. 2014. Kepemimpinan Khalifah Abu Bakar Al-Shiddiq. *Jurnal Khatulistiwa Journal of Islamic Studies* 4 (2).
- Mustafar Masyur. 2001. *Jalan Dakwah Antara Qiyadah dan Jundiyah*. Dewan Pustaka Fajar: Kuala Lumpur.
- Ogi Habibi. 2019. Sistem Demokrasi Dan Kekhilafaan Dalam Syariat Islam, *Sangaji Jurnal Pemikiran Syariah dan Hukum* 3 (1).
- Patmawati & Fitri Sukmawati. 2015. *Sejarah Dakwah Pada Masa Abu Bakar*. t.pt.
- Ratna Sari. 2021. *Konsep Dakwah Prespektif Abu Bakar Ash-Shiddiq*. Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Metro: Indonesia.

- Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2014. *Perlaksanaan Dakwah Dan Politik Islam Zaman Khulafa' Al-Rashidin*. t.pt
- Tiara Novita & Yudi Pratama. 2022. Kemajuan Islam Masa Khalifah Abu Bakar Ash Shiddiq sebagai Khalifah Pertama *Danadyaksa Historica* 2(2):151–157
- Wahyuniar WN & Nur Afifa. 2020. The Political Thought Of Rashidun Caliphate, *Jurnal al-Dustur* 3(2).
- Zul Ikromi. 2017. Pendekatan Istishlāhi Dalam Ijtihad Abu Bakar Al-Shiddiq, *Mazahib Jurnal Pemikiran Hukum Islam* 16(1): 51-71.